



**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

***Ministry of Agriculture and Food Industries***

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : [www.mafi.gov.my](http://www.mafi.gov.my)

---

**SIARAN MEDIA**

**MESYUARAT MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN DENGAN EXCO-EXCO PERTANIAN NEGERI MEMPERKUKUH SINERGI KE ARAH JAMINAN SEKURITI BEKALAN MAKANAN NEGARA**

**PUTRAJAYA, 21 September** – Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah mempengerusikan Mesyuarat Bersama Exco-Exco Pertanian Negeri secara hibrid di Wisma Tani semalam.

Mesyuarat tersebut turut dihadiri Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Exco-Exco Pertanian daripada 13 Negeri, wakil Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Pegawai Kanan serta Ketua Jabatan dan Agensi MAFI.

Agenda mesyuarat kali ini merangkumi lima (5) pembentangan, iaitu dua (2) Kertas Pertimbangan dan tiga (3) Kertas Makluman. Kertas pertimbangan yang dibentangkan termasuk Cadangan Pewartaan, Penyelenggaraan dan Pemodenan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) serta Cadangan Penubuhan dan Terma Rujukan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah sebagai usaha bersepadu bagi mengoptimumkan tanah pertanian sedia ada dan belum dibangunkan dalam meningkatkan pengeluaran makanan negara.

Mesyuarat bersetuju secara dasar supaya Kerajaan Negeri mengekalkan pewartaan TKPM danewartakan TKPM yang belum diwartakan serta menyediakan peruntukan penyelenggaraan TKPM, tertakluk kepada kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri masing-masing.

Mesyuarat juga bersetuju dengan penubuhan dan terma rujukan Jawatankuasa Pembangunan Tanah Pertanian Peringkat Daerah sebagai platform memudah cara pembangunan tanah milik persendirian secara terancang bagi tujuan aktiviti pertanian. Jawatankuasa ini akan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan diselaraskan oleh Pejabat Daerah dan Tanah dengan dianggotai pelbagai jabatan/agensi di peringkat daerah.

Kedua-dua persetujuan yang dicapai ini menyokong hasrat Kementerian untuk memperkukuh sinergi dengan Kerajaan Negeri bagi menjamin sekuriti bekalan makanan negara.

Selain itu, Mesyuarat turut mengambil maklum status sekuriti bekalan makanan negara yang diunjur kekal stabil dan mencukupi khususnya bagi lapan (8) komoditi utama iaitu beras, daging ayam, daging lembu/kerbau, telur, susu segar, ikan, buah dan sayur.

Dalam mesyuarat tersebut, Agrobank telah membentangkan kemudahan-kemudahan pembiayaan bagi golongan sasaran yang terlibat dalam aktiviti di sepanjang rantaian nilai agromakanan termasuk pengeluaran input, tanaman, perikanan, ternakan, industri makanan dan agropelancongan serta aktiviti sokongan seperti pemasaran dan penghantaran makanan. Secara keseluruhannya, sebanyak RM1.375 bilion telah diperuntukkan oleh Agrobank bagi tujuan dana pembiayaan melalui pelbagai kemudahan pembiayaan yang boleh dipohon oleh golongan sasaran.

Mesyuarat juga mengambil maklum mengenai Kajian Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara yang dilaksanakan oleh PLANMalaysia. Antara penemuan utama kajian tersebut termasuk keperluan mengekalkan keluasan kawasan pengeluaran makanan 10% bagi guna tanah sumber makanan negara. Ini setelah mengambil kira hasil kajian yang menunjukkan 19% pengurangan keluasan tanah pengeluaran makanan yang berterusan dan 62% kawasan pengeluaran makanan terdedah kepada risiko bencana.

Mesyuarat turut membincangkan hala tuju keputusan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-139 berkaitan cadangan sinergi antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri bagi pengukuhan sekuriti bekalan makanan negara. Pelbagai platform sedia ada dan baharu akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi melaksanakan keputusan-keputusan tersebut.

MAFI melalui kerjasama strategik dan kolaborasi berterusan dengan Kerajaan Negeri akan memperkasa sektor agromakanan negara untuk meningkatkan sekuriti bekalan makanan demi kesejahteraan pengeluar makanan dan keseluruhan Keluarga Malaysia selari dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**  
**21 SEPTEMBER 2022**